

13/12/1998

Kadar tukar ringgit dikekalkan

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan mengubah kadar pertukaran ringgit dengan dolar Amerika, malah akan mengekalkan kadar itu bagi tempoh yang lama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika berjaya membantu urusan perniagaan negara ini beroperasi dalam keadaan stabil dan terkawal.

"Sekiranya ada orang yang memberitahu kerajaan akan menukar nilai pertukaran ringgit, beritahu mereka supaya terjun ke laut. Ia akan kekal pada 3.8 untuk tempoh yang lama," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan kempen pemilikan rumah yang dianjurkan kerajaan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan (HDAM), Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Institusi Kewangan.

Sebelum ini ramai penganalisis berkata pemulihan mata wang di rantau ini terutama rupiah di Indonesia, won Korea dan baht Thailand, akan mendorong Malaysia untuk meminda kadar pertukaran ringgit dengan dolar.

Dr Mahathir yakin, ekonomi Malaysia akan pulih dan terus bertambah baik berikutan asas yang kukuh. Dasar penstabilan dan infrastruktur mengawal selia diperkenalkan supaya ekonomi negara tidak menerima kesan kegiatan pedagang mata wang dan penyerbu pasaran saham yang menyebabkan ketidakstabilan.

"Hari ini ekonomi kita paling stabil di Asia dengan pedagang dan pelabur boleh menjalankan perniagaan dengan kepastian yang lebih lagi," katanya sambil menambah, sejak kawalan tukaran asing diperkenalkan pada 1 September lalu, urusan perniagaan meningkat dengan ketara.

(END)